

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Abiaie
Walmursaleen, Sayiddina Muhammadin Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
Penghulu Mukim Keriam;

***** [tertakluk kepada kehadiran]**

Yang Berhormat,
Awang Haji Ramli bin Haji Lahit,
Penghulu Mukim Telisai;

***** [tertakluk kepada kehadiran]**

Yang Mulia,
Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu,
Pemangku Pegawai Daerah Tutong,

Yang Mulia,
Awang Haji Ismail bin Haji Abd Manap
Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia,
Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail,
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia,
Dr. Haji Karim bin Haji Abdul Rahman
Penasihat Majlis Perundingan Kampung Birau

***** [tertakluk kepada kehadiran]**

Yang Mulia,
Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin
Penghulu Mukim Kiudang

***** [tertakluk kepada kehadiran]**

Yang Mulia,
Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim,
Ketua Kampung Birau yang diraikan,

Yang Mulia,
Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, para jemputan khas, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penduduk-penduduk Kampung Birau, para hadirin dan hadirat yang peramba / kaola / saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas rahmat dan nikmat serta dengan izinnya jua kita dapat sama-sama berkumpul pada malam ini bagi menghadiri majlis yang penuh berkebajikan lagi bersejarah khususnya bagi penduduk-penduduk di Kampung Birau iaitu **Majlis Penyerahan Sijil Lantikan Ketua Kampung Birau kepada Yang Mulia Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim**. Selawat serta salam keatas junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW, para keluarga, sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

2. Terlebih dahulu peramba/ kaola/ saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Mulia Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas lantikan beliau selaku Ketua Kampung Birau yang bermula secara rasminya pada 2 Mei 2011 yang lalu.

3. Dikesempatan ini juga, sukacita peramba/ kaola/saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong atas penghormatan yang diberikan kepada saya dijemput hadir selaku Tetamu Kehormat bagi menyempurnakan penyerahan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Birau dan seterusnya diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata di majlis ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Sepertimana yang sama-sama dimaklumi bahawa jawatan Ketua Kampung Birau ini telah kosong sejak bulan Jun 2005 dan telahpun dipangku oleh Mejar (B) Awang Haji Mohd Shah bin Haji Mohd Noor, mantan Penghulu Mukim Kiudang sebelum beliau bersara pada 3 April 2011 dan seterusnya Kampung Birau dimata-matai oleh Yang Mulia Awang Haji Matasin @ Musa bin Matussin, Ketua Kampung Pad Nunok sehinggalah jawatan ini dijabat oleh Yang Mulia Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim. Alhamdulillah dengan adanya lantikan Ketua Kampung yang baru ini, ianya bermakna kepercayaan dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu sebagai pemimpin di peringkat akar umbi perlulah ditanai dengan sebaik-baiknya sepertimana yang digariskan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998.

5. Kita menyedari bahawa tugas dan tanggungjawab sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bukanlah ringan dan tidak semudah yang disangka. Ini ditambah lagi dengan harapan serta ekspektasi yang tinggi dari kalangan penduduk-penduduk mukim dan kampung terhadap perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung yang setentunya memberikan cabaran terhadap kewibawaan seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam mentadbir dan mengurus kampung dibawah pengawasan masing-masing.

6. Oleh yang demikian, peramba/ kaola/ saya menyarankan dan penuh berharap supaya Penghulu Mukim dan Ketua Kampung supaya akan dapat memikul tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya selari dengan arus perkembangan dan keadaan semasa. Disamping itu setiap Penghulu Mukim

dan Ketua Kampung perlulah proaktif dan bersedia untuk berkorban masa dengan mengadakan lawatan ke mukim dan kampung bagi berjumpa, berinteraksi dan bertukar-tukar fikiran dengan anak-anak buah mukim dan kampung serta mendengar permasalahan-permasalahan mereka khususnya golongan yang memerlukan perhatian seperti golongan daif, kurang upaya dan sebagainya dan seterusnya berusaha dalam mempertingkatkan dan menambahbaikan lagi mutu perkhidmatan dari masa kesemasa khususnya dalam memenuhi harapan dan ekspektasi penduduk-penduduk mukim dan kampung tersebut.

7. Menyentuh mengenai dengan masalah sosial dan kejadian jenayah yang berlaku di negara ini, apatah lagi ianya melibatkan belia-belia, kita tidak sepatutnya menyerahkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan semata-mata kerana masalah tersebut tidak akan dapat ditangani secara berkesan tanpa adanya kerjasama, komitmen dan keprihatinan dari semua lapisan masyarakat. Dari itu, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta penduduk-penduduk Mukim dan Kampung selaku orang yang lebih arif dan mengetahui tentang keadaan kampung dan persekitarannya hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mengawasi dan memata-matai apa jua kegiatan yang mencurigakan yang berlaku didalam mukim dan kampung seperti penyalahgunaan dadah, kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa izin dan lain-lain kegiatan anti sosial. Dengan adanya kesedaran, rasa tanggungjawab dan kerjasama yang diberikan itu adalah sangat-sangat diharapkan bagi sama-sama memelihara dan mengekalkan keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung-kampung dan mukim khususnya dan negara pada umumnya.

8. Dalam hubungan ini, sayugia saya menyeru khususnya kepada Yang Mulia Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim supaya akan sentiasa bersiap sedia untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan dimana sebagai seorang yang baru dilantik sebagai Ketua Kampung Birau, kerana ia setentunya akan memberikan satu pengalaman dan cabaran yang amat besar untuk menerajui Kampung Birau. Perlu juga diingat bahawa selaku Ketua Kampung yang telah menjadi pilihan majoriti penduduk-penduduk di Kampung Birau ini semasa Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung, maka adalah menjadi kewajipan abiskita semua selaku

penduduk-penduduk di Kampung ini dalam sama-sama berperanan dalam memberikan kerjasama dan sokongan yang berterusan kepada usaha-usaha Ketua Kampung yang baru ini untuk memastikan segala perancangan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti serta usaha mengembangmajukan kampung akan dipertingkatkan, diperkukuhkan dan dipertahankan. Tanpa adanya sokongan biskita semua selaku penduduk-penduduk di kampung ini, maka usaha-usaha berkenaan tidak akan memberikan kesan kepada kemajuan kampung dan sudah setentunya segala perancangan yang telah diatur tidak akan dapat dilaksanakan sepertimana yang dihasratkan. Ini termasuklah usaha dalam menggerakkan apa jua program atau aktiviti yang dapat mendorong kepada perpaduan, persafahaman, kesejahteraan dan kemakmuran anak buah kampung ini khususnya dan negara umumnya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. Didalam kita melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut, kita juga harus peka agar segala usaha-usaha yang dilaksanakan tersebut hendaklah tidak melanggar peraturan-peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa pada masa ini. Walaubagaimanapun, saya penuh percaya bahawa Ketua Kampung yang baru dilantik dengan keyakinan yang telah diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk di Kampung Birau, disertai dengan pengalaman dan pengetahuan disepanjang perkhidmatan dengan kerajaan sebelum ini, beliau Insya Allah akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang baru diamanahkan ini dengan keyakinan, baik dan berkesan.

10. Oleh yang demikian, dengan adanya kerjasama diantara Ketua Kampung selaku pemimpin di Kampung ini dan penduduk-penduduk kampung selaku mereka yang dipimpin, maka kemajuan, perpaduan dan keharmonian kampung ini akan dapat dicapai dan seterusnya membawa kampung ini ke peringkat kecemerlangan. Ini juga termasuklah penglibatan belia-belia didalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan khususnya melalui Majlis Perundingan Kampung Birau yang mana boleh menjadikan para belia lebih bertanggungjawab bukan sahaja pada diri mereka sendiri, malahan terhadap masyarakat, bangsa dan negara. Majlis Perundingan Kampung berperanan sebagai sebuah organisasi pertubuhan bukan Kerajaan yang bersifat sukarela adalah merupakan jentera penggerak yang turut membantu Ketua Kampung untuk

